

# IQRA'



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Abdul Razak

اقل

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my



### **Bengkel Kepentingan Integriti & Jenayah Rasuah Dalam Kalangan Penjawat Awam**

PTAR Cawangan Shah Alam - muka 8



### **Live@PTDI: The Psychology & Law of Cyberbullying**

PTAR Cawangan Johor - muka 15



### **Program PTDI bersama Pelukis: Art As Therapy**

PTAR Cawangan Johor - muka 16



### **Bengkel Systematic Literature Review: Komunikasi Dalam Matematik**

PTAR Cawangan Kelantan - muka 22




### **100 Days of Reading Challenges Sempena Program UiTM Penang Baca**

PTAR Cawangan Pulau Pinang - muka 29



Promosi@PTAR



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam telah menganjurkan Program Library Outreach@PTAR khas untuk Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Shah Alam secara atas talian melalui Webex Meeting. Program Library Outreach@PTAR FSPU telah dimulakan dengan kata alu-aluan oleh Dr. Amal Hayati Ishak, Timbalan Dekan Akademik, ACIS. Kemudian, kata alu-aluan dari wakil Pengurusan PTAR, Puan Adlina Abdullah selaku Timbalan Ketua Pustakawan, Bahagian Komunikasi Korporat. Program ini telah dihadiri oleh 35 orang peserta termasuk Dr. Amal Hayati Ishak, Timbalan Dekan Akademik dan Dr. Mohd Asmadi Yakub, Timbalan Dekan Akademik, Pegawai Perhubungan Perpustakaan ACIS. Program disusuli dengan Penerangan modul Library Outreach@PTAR oleh penceramah PTAR:

1. Encik Asraf Zamani Hazim - Pustakawan (Pegawai Perhubungan Perpustakaan, ACIS)
2. Encik Abdul Razak Abdul Rahman - Pustakawan Kanan
3. Mohd ismail Abidin - Timbalan Ketua Pustakawan
4. Tuan Hj Ahmad Faizar Jaafar - Pustakawan Kanan

Tujuan program ini dianjurkan adalah untuk mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan PTAR di samping mendapatkan maklumbalas daripada pengguna bagi tujuan penambahbaikan perkhidmatan perpustakaan. Terdapat 5 Modul PTAR Intellectual Discourse telah diterangkan oleh penceramah-penceramah tersebut dari Perpustakaan Tun Abdul Razak iaitu:

- 1) Modul LOP 100: Proses Cadangan Pembelian Bahan Perpustakaan menggunakan Sistem WILS via WILS oleh Encik Asraf Zamani Hazim, Pustakawan (Pegawai Perhubungan Perpustakaan, ACIS)
- 2) Modul LOP 101: Repositori Universiti (Dasar Penyerahan Bahan Harta Intelek UiTM/ Pemilikan Bahan Silibus) oleh En. Asraf Zamani Hazim, Pustakawan
- 3) Modul LOP 102: Pengurusan Rekod Universiti yang diulaskan oleh En. Abdul Razak Abdul Rahman, Pustakawan Kanan
- 4) Modul LOP 103: Sokongan Penyelidikan oleh En. Mohd Ismail bin Abidin, Timbalan Ketua Pustakawan

Antara maklum balas dari program ini adalah penggunaan Etesis yang boleh di akses di Portal PTAR dan penggunaan perkhidmatan Chat@JAU di Perpustakaan Tun Abdul Razak.